



PEMAKLUMAN

**PENGOPERASIAN SEMULA PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA)**

1. YAB Perdana Menteri dalam perutusannya pada 1 Mei 2020 menyatakan bahawa mulai 4 Mei 2020 semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan akan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Selaras dengan itu, dimaklumkan bahawa status operasi perkhidmatan MQA adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Perkhidmatan
1.	<p>13-15 Mei 2020 (semua kategori permohonan)</p> <p>1-4 Jun 2020 (permohonan Badan Profesional, berkelompok dan PPT berstatus Swaakreditasi)</p> <p>15-18 Jun 2020 (permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh)</p>	<p>Penerimaan permohonan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Permohonan Akreditasi Sementara (ii) Permohonan Akreditasi Penuh (iii) Permohonan Penyenaraian Perakuan Akreditasi Sementara bagi PPT berstatus Swaakreditasi (iv) Permohonan Pendaftaran Kelayakan Dalam Daftar Kelayakan Malaysia dan Pengeluaran Sijil Akreditasi bagi PPT berstatus Swaakreditasi <p>Kaedah penerimaan permohonan adalah melalui Kaunter Khas <i>Drop-Off</i> atau perkhidmatan Pos.</p>
2.	<p>Mulai 13 Mei 2020</p>	<p>Penerimaan permohonan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Audit Pematuhan Akreditasi Penuh (ii) Penilaian/ Audit Pematuhan Mata Pelajaran Pengajian Umum (iii) Permohonan <i>Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)</i> (iv) Nilai Taraf dan Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan Luar Negara <p>Kaedah penerimaan permohonan adalah melalui Kaunter Khas <i>Drop-Off</i> atau perkhidmatan Pos. Kaunter Khas <i>Drop-Off</i> tidak beroperasi pada tarikh 27-29 Mei 2020.</p>

2. MQA mengutamakan perbincangan dan perundingan secara dalam talian atau maya bagi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan bersama. Urusan yang melibatkan pertemuan secara bersemuka adalah dihadkan dengan butiran lanjut seperti berikut:

- (i) Permohonan janji temu hendaklah dibuat melalui pautan berikut: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA>
- (ii) Permohonan janji temu perlu dibuat sekurang-kurangnya **dua (2) hari sebelum** tarikh cadangan pertemuan.
- (iii) MQA akan menyaring permohonan janji temu mengikut keperluan. Hanya **dua (2) orang** pelawat sahaja dibenarkan hadir bagi setiap janji temu. Setiap pertemuan dihadkan maksimum selama sejam tertakluk kepada perkara yang perlu dibincangkan. Pelawat juga perlu mematuhi garis panduan dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang ditetapkan oleh MQA.

3. Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus juga boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:

Pertanyaan Umum : <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/>

Pendaftaran Program : unitpendaftaran@mqa.gov.my

Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) : apeladmin@mqa.gov.my

Nilai Taraf/ Pengesahan Pengiktirafan : esisraf@mqa.gov.my

Sijil Akreditasi/ Malaysian Qualifications Register (MQR) : unitsijil@mqa.gov.my / mqr@mqa.gov.my

Latihan Jaminan Kualiti : upjk.mqatc@mqa.gov.my

4. Sebarang perubahan mengenai operasi perkhidmatan MQA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
8 MEI 2020